

11/03/2000

Sidang polisi perisian

KUALA LUMPUR: Malaysia diberi penghormatan menganjur sidang puncak Polisi Perisian (SPS) yang julung kali diadakan di Asia pada 10 hingga 12 April ini di Kuala Lumpur.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata penghormatan itu berikutan komitmen tinggi kerajaan untuk memastikan kegiatan cetak rompak perisian dapat dibanteras.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucap tama di persidangan berkenaan. Seramai 300 peserta dalam dan luar negara dijangka menghadiri seminar selama tiga hari itu.

(END)